



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
KEJAYAAN MALAYSIA MENGEKALKAN KERUSI MAJLIS IMO KATEGORI C BAGI
PENGGAL 2026-2027

1. Malaysia sekali lagi telah mengemukakan pencalonan bagi kerusi Majlis International Maritime Organization (IMO) Kategori C bagi penggal 2026–2027 pada Perhimpunan Agung IMO Sesi ke-34. Sebanyak 26 negara bertanding dalam kategori ini, meliputi Afrika Selatan, Arab Saudi, Bahamas, Bangladesh, Belgium, Chile, Cyprus, Denmark, Filipina, Finland, Indonesia, Jamaica, Kenya, Malaysia, Malta, Mesir, Mexico, Morocco, Nigeria, Oman, Pakistan, Peru, Qatar, Singapura, Thailand dan Turkiye.

2. Malaysia dengan penuh penghargaan mengumumkan kejayaan mengekalkan kerusi Majlis IMO Kategori C bagi penggal 2026–2027, menandakan kemenangan bagi **penggal ke-11 berturut-turut**. Malaysia berada di kedudukan ke-13 daripada 20 kerusi yang dipertandingkan dengan memperoleh 129 undi daripada sejumlah 171 undian yang sah.

Analisis Kejayaan Malaysia Mengekalkan Kerusi Majlis IMO Kategori C

3. Prestasi Malaysia dalam pemilihan Ahli Majlis IMO menunjukkan tren positif dan konsisten sepanjang tiga kitaran pilihan raya yang lalu. Malaysia memperoleh 128 undi pada 2021, meningkat kepada 134 undi pada tahun 2023an seterusnya mengekalkan mandat antarabangsa dengan 129 undi pada pemilihan tahun 2025. Sokongan berterusan ini mencerminkan keyakinan Negara-Negara Anggota IMO terhadap peranan aktif Malaysia, rekod sebagai rakan maritim yang boleh dipercayai, serta komitmen negara





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

dalam keselamatan maritim, perlindungan alam sekitar dan pembangunan kapasiti global.

4. Kejayaan ini didorong oleh kerjasama strategik dan penyelarasan erat antara Kementerian Pengangkutan, Kementerian Luar Negeri, Jabatan Laut Malaysia, pihak berkuasa pelabuhan serta wakil industri dan persatuan maritim. Usaha kolektif ini memastikan Malaysia terus diiktiraf sebagai rakan konstruktif dalam komuniti maritim antarabangsa.

Komitmen Malaysia Bagi Penggal 2026 - 2027

5. Selaras dengan mandat yang dioerbaharui, Malaysia akan memperkasa peranan dalam program pembangunan kapasiti melalui program IMO Integrated Technical Cooperation Programme (ITCP). Ini termasuk menawarkan kepakaran teknikal, latihan profesional dan sokongan pembangunan modal insan khususnya kepada negara membangun, negara kurang membangun (LDCs) dan negara kepulauan kecil (SIDS). Kementerian Pengangkutan akan mengenal pasti negara-negara anggota yang berpotensi menerima manfaat langsung daripada kepakaran Malaysia.

6. Malaysia juga komited untuk meningkatkan penyertaan dalam Jawatankuasa-Jawatankuasa Utama IMO seperti Maritime Safety Committee, Marine Environment Protection Committee, Legal Committee, Technical Cooperation Committee dan Facilitation Committee. Malaysia akan terus menyokong serta memajukan inisiatif-inisiatif yang memperkukuhkan keselamatan, perlindungan alam sekitar, dan tadbir urus maritim global.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

28 November 2025

-TAMAT-

TENTANG MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

PERTANYAAN MEDIA

Kementerian Pengangkutan Malaysia

Unit Komunikasi Korporat

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)

+603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)

Faks +603 8892 0208

E-mel sua@mot.gov.my / unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

